

Janji orang politik
Free Malaysia Today
02 Mac 2013
oleh Rashid Anuar

Standfirst: Di zaman kalah Datuk Ali panggil Datuk Rahman berbincang untuk membawa perubahan pada parti.

Datuk Rahman hairan dengan sikap ketua bahagian. Dahulu di zaman kalah, ketua bahagian mencarinya untuk menjatuhkan Datuk Baharom. Ketika itu Datuk Baharom orang yang menang dalam pilihanraya umum yang menyebabkan Parti Bintang memerintah negeri.

Ketika itu hanya empat calon Parti Waja menang termasuk Pemangku Ketua Bahagian, Datuk Baharom. Haji Hashim Pesuruhjaya Parti Bintang negeri yang jadi MB baru apabila partinya menang 28 kerusi. Maka Parti Waja menjadi parti pembangkang setelah 40 tahun merdeka.

Di zaman kalah ini Datuk Ali panggil Datuk Rahman berbincang untuk membawa perubahan pada parti.

“Kita kena ambil alih bahagian,” kata Datuk Ali di rumahnya. Datuk Ali bekas Exco Kerajaan Negeri yang turut kalah bertanding dalam pilihanraya di DUN Air Hitam.

“Tetapi Pengerusi Perhubungan suruh kekalkan Datuk Baharom kerana dia Adun yang menang (DUN Pasir Semut),” jawab Datuk Rahman.

“Itu kata pengerusi perhubungan. Biar perwakilan tentukan siapa yang mereka mahu jadi ketua bahagian sama ada saya atau Datuk Baharom,” tingkah Datuk Ali.

“Kamu kena bantu saya Rahman,” tambah Datuk Ali lagi.

“Baiklah kalau kamu kata begitu Ali. Saya ikut saja,” jawab Datuk Rahman yang juga seorang ahli perniagaan yang berjaya.

“Kamu tanding timbalan ketua bahagian dan kamu bantulah jentera parti maklum sajalah saya pun bukannya ada duit,” pimta Datuk Ali.

“Okay,” jawab Datuk Rahman. Enam tahun lalu mereka pernah bermusuh apabila Datuk Rahman menentang Datuk Ali bagi jawatan Ketua Pemuda Bahagian. Dalam pertandingan tiga penjuru itu, Datuk Ali yang juga seorang Adun mengalahkan Datuk Rahman dan penyandang jawatan Nordin.

Kini dua musuh berganding bahu menentang Datuk Bakar dan bekas Ketua Pemuda, Nordin.

“Nanti bila kita menang, kamu tanding di DUN Bukit Raja,” kata Datuk Ali. Datuk Rahman tersenyum mendengar kata-kata Datuk Ali.

Berkempen setiap malam

Setiap malam mereka berkempen menemui perwakilan di empat DUN. Datuk Rahman yang duduk di Kuala Lumpur balik sebulan ke kampung halamannya semata-mata untuk menangkan Datuk Ali. Jentera mereka mewah kerana Datuk Rahman banyak duit. Setupa malam mereka berjamu besar-besaran menemui para perwakilan.

Menurut laporan SB, Datuk Baharom yang memangku jawatan Ketua Bahagian akan kalah. Datuk Ali tidak yakin dengan laporan itu kerana dia tahu mentaliti perwakilan akan pilih wakil rakyat daripada penganggur sepertinya jadi ketua bahagian. "Malam ini malam akhir. Kita kena beli ramai orang Datuk Baharom," kata Datuk Rahman.

"Kamu buatlah apa yang patut," kata Datuk Ali.

Petang esoknya Datuk Ali dan Datuk Rahman terkejut apabila mereka menang dengan majoriti 15 undi. Undi pemuda dan wanita yang menyebabkan mereka menang. Wan Nazmi yang menang dalam pertandingan ketua pemuda bekerja kuat untuk pastikan semua perwakilan pemuda mengundi Datuk Ali.

Malam itu mereka buat jamuan kerana berjaya mengalahkan kem Datuk Baharom. Dalam pertandingan berakit itu, semua 20 ahli jawatankuasa dimenangi oleh kem Datuk Ali.

Empat tahun kemudian, menjelang pilihanraya umum, Datuk Ali dipilih sebagai calon di DUN Air Hitam. Datuk Baharom yang kalah dalam pertandingan Ketua Bahagian dikekalkan sebagai calon di DUN Pasir Semut.

Tetapi Datuk Rahman terkejut apabila namanya tak naik di DUN Bukit Raja sebaliknya nama Ketua Pemuda yang naik, Wan Nazmi.

"Aku dah kena main dengan Ali," kata Datuk Rahman dalam hati. Begitu banyak duitnya habis menaikkan Datuk Ali, akhirnya Datuk Ali naikkan Wan Nazmi sebagai calon.

"Saya dah hantar nama kamu ke ibu pejabat Rahman," kata Datuk Ali sejukkan hati Datuk Rahman.

"Tak apalah, tak ada rezeki," jawab Datuk Rahman ringkas. Sebenarnya Datuk Rahman sudah tahu Datuk Ali hanya hantar nama Wan Nazmi sorang ke ibu pejabat sebagai calon DUN Bukit Raja.

Datuk Ali memang takut kalau Datuk Rahman yang wakil rakyat, Datuk Rahman akan mencabarnya pula bagi jawatan ketua bahagian. Maka Datuk Ali perlukan budak mentah macam Wan Nazmi sebagai wakil rakyat yang sudah tentu tidak akan melawannya.

Parti Waja kembali memerintah negeri itu. Datuk Ali muncul semula sebagai Exco Kerajaan Negeri. Wan Nazmi bercadang meninggalkan jawatan Ketua Pemuda dan mencabar Timbalan Ketua Bahagian, Datuk Rahman.

Sebagai ahli perniagaan, Datuk Rahman banyak menghabiskan masa di Kuala Lumpur manakala Wan Nazmi selaku Adun Bukit Raja banyak menghabiskan masanya di dalam kawasan.

Mampu gugat

Sudah tentu cabaran Wan Nazmi mampu menggugat kedudukan Datuk Rahman. Walaupun Datuk Rahman bukan wakil rakyat, tetapi pengaruhnya dalam politik amat kuat.

Apatah lagi beliau bukannya orang yang kedekut. Bila ketua cawangan datang mengadu tiada duit, Datuk Rahman akan hulur secara ikhlas.

Sebagai Exco Kerajaan Negeri, Datuk Ali tersenyum kerana dia sudah menang tanpa bertanding bagi jawatan ketua bahagian. Datuk Rahman terkejut bila di hari penutup pencalonan Wan Nazmi tetap mencabarnya bagi jawatan Timbalan Ketua Bahagian.

“Nampaknya Datuk Ali restui Wan Nazmi lawan Datuk,” kata Jaafar, seorang ketua cawangan kepada Datuk Rahman.

“Biarlah. Orang tak kenang budi. Masa dia kalah dulu, siapa tolong dia. Bila dia sudah jadi Exco, dia biarkan budak dia lawan aku pulak,” marah Datuk Ali.

Dalam pertandingan dua penjurur itu, Datuk Rahman kalah lima undi kepada Wan Nazmi. Nampaknya perwakilan memilih calon yang direstui oleh Datuk Ali.

“Saya ibarat habis madu sepah dibuang. Zaman kalah orang cari saya, zaman menang orang buang saya.

“Maka dengan kekalahan ini saya tidak akan kembali lagi dalam politik. Saya kecewa kerana janji orang politik tidak boleh dipegang,” kata Datuk Rahman dalam ucapan penangguhan.

Datuk Ali dalam ucapan penangguhannya menghargai sumbangan dan pengorbanan Datuk Rahman kepada parti.

“Saya tidak boleh halang proses demokrasi. Apabila YB Wan Nazmi kata dia nak lawan timbalan saya, takkan saya kata tak boleh kerana itu sudah salah dengan prinsip demokrasi. Maka saya serahkan kepada perwakilan.

“Perwakilan sudah buat keputusan maka kita kena iktiraf kemenangan Wan Nazmi,” kata Datuk Ali.

Malam itu Datuk Rahman terus kembali ke Kuala Lumpur dan berhasrat tidak akan ceburi politik lagi kerana dalam politik manusia tidak boleh pegang janji.

Nota: Setiap hari Ahad, FMT menyiarkan cerpen minggu ini. Oleh itu kami mengalu-alukan cerpen dari anda semua dari pelbagai jenis tema. Anda boleh menghantar cerpen anda kepadazabidi@freemalysiatoday.com untuk disiarkan dalam FMT..

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalysiatoday.com/category/nation/2014/03/02/janji-orang-politik/>